

EXCO ANGKAT SUMPAH DI KB HARI INI

KOTA BHARU, Rabu — Kerajaan Negeri Kelantan yang baru akan dibentuk esok apabila Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan Ahli-ahli Exco mengangkat sumpah di hadapan Sultan Kelantan.

Upacara tersebut akan berlangsung jam 9 pagi, di Istana Negeri di Kubang Kerian, dekat sini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Semalam, Menteri Besar, Datuk Haji Mohamad Yaakob mengadap Sultan untuk mempersembahkan senarai nama Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan Ahli-ahli Exco untuk persetujuan baginda.

Berita Harian difahamkan senarai tersebut diperkenankan oleh baginda.

Datuk Haji Mohamad ketika ditemui hari ini memberitahu, beliau akan mengumumkan nama Timbalan Menteri Besar yang baru dan Ahli-ahli Exco dalam satu sidang akhbar selepas upacara mengangkat sumpah itu.

Datuk Haji Mohamad sendiri diperkenan oleh Sultan untuk terus menjadi Menteri Besar yang dipegangnya sejak 1978.

Beliau juga memberitahu, Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan akan dilantik pada 16 Mei ini.

Pada hari yang sama, tambahnya, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan yang lain akan mengangkat sumpah di Dewan Undangan Negeri Kelantan, di hadapan Speaker Dewan yang baru dilantik itu.

Difahamkan juga lebih 60 peratus dari barisan tokoh yang akan menganggotai Kerajaan Negeri Kelantan yang baru itu akan terdiri dari muka-muka baru, termasuk jawatan Timbalan Menteri Besar.

Di samping Timbalan Menteri Besar, lima lagi muka baru akan dilantik untuk menduduki kerusi Ahli Exco Kerajaan Negeri yang baru.

Hanya tiga muka lama dijangka dikekalkan iaitu Raja Mahmud Raja Mamat, Haji Abdul Ghani Abu Bakar dan Encik Daud Yatimee Ahmad.

Berita Harian difahamkan, Encik Daud Yatimee akan sama ada dilantik semula sebagai Speaker atau menjadi Ahli Exco.

Ganti

Tiga muka baru akan dilantik menggantikan dua orang Ahli Exco — Encik Mohamad Hussain dan Haji Lat Kassim — yang tidak bertanding semula dan seorang lagi Ahli Exco, Encik Haniffa Ahmad, yang kalah dalam pilihanraya lalu.

Di samping itu, dua lagi muka baru dijangka dilantik sebagai Ahli Exco untuk menggantikan tempat Encik Tahir Azlz (Simpangan) yang dijangka tidak akan dipilih semula serta tempat Wan Hashim Wan Ahmad (Peringat) yang disebut ingin mengundurkan diri.

Sehingga ini, dua tokoh di sebut-sebut akan dilantik memegang jawatan Timbalan Menteri Besar iaitu Encik Ariffin Said (Manik Ural) dan Ustaz Jailani Jaafar (Cherang Ruku).

Muka-muka baru yang disebut-sebut layak dilantik mengisi lima kerusi Exco yang kosong itu ialah Ustaz Jailani atau Encik Ariffin, Haji Hassan Haji Ismail (Bandar Pasir Mas), Tengku Noor Aslah (Sungai Pinang), Encik Ariffin Mahmood (Ketereh) dan Ustaz Abdul Ghani Mahmood (Tendong).